

Buku Kassim

dalam
BH 27 JUN 1986

perhatian: PM

BUKIT MERTAJAM, Khamis — Tindakan tertentu akan diambil terhadap buku 'Hadis: Satu Penilaian Semula' karangan Encik Kassim Ahmad, jika ia memecah-belahkan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini buku itu sudah dikaji oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri untuk dibuat perakuan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Katanya, sebarang tindakan yang diambil hendaklah berasas kepada saksama.

"Jika didapati buku itu memecah-belahkan masyarakat, tindakan akan diambil," katanya ketika diminta mengulas kontroversi buku Encik Kassim yang menjadi bantahan pelbagai pihak.

Beliau menolak dakwaan pihak yang mengatakan jika Umno tidak mengharumkan buku itu, bermakna Umno juga menolak hadis.

Katanya, bukan Umno yang menentukannya buku itu benar atau tidak.

"Saya percaya, Umno juga tidak bersetuju dengan pendapat dalam buku itu," katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah membaca buku itu, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, "Saya membaca sinopsisnya dalam akhbar-akhbar".

Beliau tidak mengulas lanjut.